

**SYARAT DAN PERATURAN PELAKSANAAN
SKIM PINJAMAN USAHAWAN SISWAZAH (SPUS)
YAYASAN USAHA MAJU**

1. PENDAHULUAN

Skim Pinjaman Usahawan Siswazah (SPUS) Yayasan Usaha Maju ialah satu produk baharu YUM yang dilancarkan pada 1 November 2021 yang mempunyai objektif-objektif seperti berikut :

- 1.1. Mewujudkan peluang pekerjaan menerusi perniagaan kepada golongan siswazah di Negeri Sabah menggunakan pembiayaan kredit mikro YUM.
- 1.2. Membantu usaha pihak kerajaan untuk menggalakkan dan meningkatkan kemajuan Perusahaan Kecil dan Sederhana menerusi penyertaan golongan siswazah dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.
- 1.3. Meluaskan peranan dan skop perkhidmatan kredit YUM dengan mempelbagaikan asas dan segmen pelanggan sebagai strategi pengukuhan dan pengembangan operasi perniagaan kredit YUM.

2. KELAYAKAN MEMINJAM

- 2.1 Pemohon hendaklah seorang siswazah warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas tetapi tidak melebihi umur 40 tahun. Syarat ini hanya terpakai untuk permohonan kali pertama. Bagi permohonan seterusnya, had umur semasa memohon adalah 60 tahun.
- 2.2 Pemohon memiliki sekurang-kurangnya Diploma atau setaraf daripada IPTA/IPTS dalam atau luar negara.
- 2.3 Pemohon berpendapatan bulanan kasar tidak melebihi RM4,000.00.
 - i. Pengiraan pendapatan adalah berdasarkan purata semua jenis pendapatan pemohon dalam tempoh 6 bulan dari tarikh memohon.
 - ii. Jika ada pendapatan dari upah, pendapatan dikira dari gaji kasar sebulan.
 - iii. Jika ada pendapatan perniagaan, pendapatan dikira dari anggaran Untung Kasar. (Jualan tolak Belian)
- 2.4 Permohonan terbuka kepada lelaki dan wanita.
- 2.5 Pemohon tidak mempunyai pinjaman perniagaan dengan mana-mana institusi kewangan swasta seperti bank, syarikat kewangan atau pinjaman daripada Dewan-Dewan Perniagaan. Pinjaman pelajaran seperti PTPTN dan pinjaman peribadi seperti pinjaman kenderaan boleh dikecualikan tertakluk kepada liabiliti kewangan pemohon.
- 2.6 Pemohon mempunyai kegiatan atau cadangan kegiatan yang sah dari segi undang-undang serta lesen yang berkaitan.

2.7 Pemohon bukan seorang muflis.

3. BENTUK PINJAMAN

3.1 Pinjaman adalah berbentuk pemberian modal pinjaman secara tunai.

3.2. Pinjaman Individu.

Konsep SPUS adalah bersifat pinjaman individu. Pemohon tidak perlu membentuk atau menyertai Pusat.

4. TUJUAN PENGGUNAAN PINJAMAN

4.1 Pinjaman hendaklah digunakan sebagai modal permulaan perniagaan (start-up) atau modal pengembangan perniagaan (scaling up) untuk tujuan membiayai aset modal, barangan jualan, bahan mentah dan kos operasi yang berkaitan dengan perniagaan kecuali :

- i. Pembayaran gaji kakitangan.
- ii. Pembayaran sewa premis perniagaan.
- iii. Dilaburkan dalam saham atau perniagaan milik orang lain.

4.2 Kegiatan atau perniagaan hendaklah dimiliki sepenuhnya oleh pemohon. Perniagaan jenis perkongsian tidak dibenarkan.

5. JUMLAH PINJAMAN DAN TEMPOH PEMBAYARAN

5.1 Jumlah Pinjaman Prinsipal yang ditawarkan adalah **RM2,000.00** sehingga **RM250,000.00**.

5.2 Gandaan pinjaman adalah RM1,000.00.

5.3 Tempoh Pembayaran adalah samada 1,2,3, 4 atau 5 tahun.

5.3 Jumlah Maksimum Pinjaman Prinsipal dan Tempoh Pembayaran Mengikut Peringkat :

Peringkat	Jumlah Maksima Pinjaman Prinsipal	Tempoh Pembayaran Maksimum
1	RM5,000.00	1 Tahun
2	RM10,000.00	2 Tahun
3	RM30,000.00	3 Tahun
4	RM50,000.00	5 Tahun
5	RM100,000.00	5 Tahun
6	RM150,000.00	5 Tahun
7 dan seterusnya	RM250,000.00	5 Tahun

6. CAJ PENGURUSAN (CP)

- 6.1 CP adalah 9.0% setahun secara kadar rata (flat rate).
- 6.2 CP akan dicampurkan dengan Pinjaman Prinsipal dan dirujuk sebagai Pinjaman Kasar.
- 6.3 Semua pembayaran di peringkat awal adalah untuk pembayaran CP. Hanya selepas CP dibayar sepenuhnya barulah pembayaran Pinjaman Prinsipal bermula.
- 6.4 Rebat tidak diberikan untuk pelunasan awal pinjaman.

7. PERLINDUNGAN PINJAMAN

- 7.1 Peminjam diwajibkan mencarum ke dalam Tabung Kecemasan YUM yang bertujuan melindungi pinjaman kasar peminjam.
- 7.2 Jumlah caruman adalah ke atas Jumlah Pinjaman Kasar mengikut kadar yang ditetapkan seperti berikut :

Tempoh Pembayaran	Kadar Caruman Tabung Kecemasan
1 tahun	2.0%
2 tahun	2.5%
3 tahun	3.0%
4 tahun	3.5%
5 tahun	4.0%

- 7.3 Perlindungan Tabung Kecemasan SPUS adalah seperti berikut :
 - i. Perlindungan Kematian Peminjam
 - a. Jika Peminjam meninggal dunia kerana kemalangan, sakit atau secara semulajadi, semua baki pinjaman akan dilupuskan.
 - ii. Perlindungan Hilang Upaya Kekal Peminjam
 - a. Semua baki pinjaman dilupuskan di bawah perlindungan Hilang Upaya Secara Kekal.
 - b. Peminjam tidak boleh meminjam semula.
 - c. Hilang Upaya Secara Kekal ditakrifkan seperti berikut bagai:
 - Hilang sebelah atau kedua-dua belah tangan.
 - Hilang sebelah atau kedua-dua belah kaki.
 - Hilang penglihatan kedua-dua belah mata.
 - Lumpuh separuh atau seluruh badan.
 - Hilang kewarasan.

- Mengalami penyakit kronik melebihi 6 bulan yang menyebabkan ahli hilang keupayaan menjalankan kegiatan.
- d. Surat pengesahan dari doktor kerajaan adalah diwajibkan.
- iii. Perlindungan Kemusnahan Kegiatan Akibat Kebakaran
- a. Kriteria dan Tahap Kemusnahan Terhadap Kegiatan.
- Kegiatan hendaklah mempunyai premis seperti bangunan kedai, kandang ternakan, bengkel dan sebagainya.
 - Premis mesti dibiayai oleh pinjaman YUM.
 - Premis berkenaan digunakan untuk menjalankan kegiatan sepenuh masa.
 - Premis usang atau yang terbenkakai pembinaannya tidak akan dilindungi.
 - Kegiatan jenis pertanian **tidak** dilindungi.
 - Jika keseluruhan kegiatan musnah (termasuk premis, peralatan dan kelengkapan perniagaan, perahu atau bot, dan barang-barang lain yang dibeli menggunakan pinjaman YUM) maka semua baki pinjaman dilupuskan.
 - Jika hanya premis yang musnah maka jumlah pampasan dikeluarkan yang bersamaan dengan baki pinjaman tetapi terhad kepada 40% daripada prinsipal pinjaman atau nilai pembiayaan YUM ke atas premis tersebut mana yang lebih rendah.
- b. Peralatan atau barangan yang disimpan di rumah dan musnah akibat kebakaran rumah juga dilindungi dengan syarat perkara ini dinyatakan di dalam pada awal permohonan pinjaman.
- c. Peralatan yang dibeli menggunakan pinjaman YUM tetapi tidak tersenarai dalam peralatan yang diluluskan iaitu berlaku kes salahguna modal tidak akan dilindungi oleh Tabung Kecemasan.
- d. Tuntutan hendaklah disokong dengan Laporan Polis atau Laporan Bomba.

7.4 Tempoh Perlindungan

- i. Tempoh perlindungan adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh Surat Perjanjian sehingga tarikh akhir pembayaran seperti pada Jadual Pembayaran Pinjaman.
- ii. Sekiranya peminjam membuat pelunasan awal pinjaman maka perlindungan juga akan tamat pada tarikh dan masa peminjam melakukan pembayaran terakhir.

8. PENJAMIN DAN CAGARAN

8.1 Pemohon perlu menyediakan seorang (1) penjamin yang memenuhi kriteria-kriteria berikut :

- i. Warganegara Malaysia yang tidak muflis.
- ii. Berumur sekurang-kurangnya 21 tahun tetapi tidak melebihi 60 tahun pada tarikh akhir tempoh Surat Perjanjian.
- iii. Mempunyai pendapatan tetap
- iv. Bukan kakitangan YUM

8.2 Pinjaman tidak dikenakan sebarang cagaran.

9. SURAT PERJANJIAN PINJAMAN

9.1 Surat Perjanjian Pinjaman SPUS hendaklah dilengkapkan dan distemkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) sebelum pinjaman dapat dikeluarkan.

9.2 Duti Stem dan semua caj atau fee berkaitan (jika ada) dengan perjanjian pinjaman ditanggung oleh peminjam.

- i. Urusan menstemkan Surat Perjanjian Pinjaman dilakukan oleh Unit Pinjaman Khas.
- ii. Pemohon dikehendaki untuk membayar Duti Stem kepada YUM sebelum menandatangani Surat Perjanjian Pinjaman.
- iii. 3 salinan Surat Perjanjian hendaklah distem dan diedarkan seperti berikut :
 - a. Salinan pertama (asal) bersama dengan Borang Permohonan Pinjaman SPUS disimpan oleh Unit Kewangan dan Akaun YUM
 - b. Salinan kedua disimpan oleh Peminjam
 - c. Salinan ketiga disimpan oleh Penjamin

- 9.3 Perjanjian pinjaman boleh dibatalkan jika :
- i. Peminjam mempunyai tunggakan terkumpul bersamaan dengan 3 bulan pembayaran.
 - ii. Peminjam menyalahgunakan modal pinjaman.
- 9.4 Bila Perjanjian Pinjaman dibatalkan, YUM akan mengeluarkan surat pemberitahuan dan menuntut peminjam membayar keseluruhan baki pinjaman kasar dalam tempoh 7 hari dari tarikh Perjanjian Pinjaman dibatalkan.

10. PRA PENDAFTARAN

- 10.1 Mereka yang berminat untuk meminjam SPUS hendaklah membuat pra pendaftaran di Laman Web YUM.
- 10.2 Permohonan pra pendaftaran akan ditapis oleh UPK dan diputuskan oleh Jawatankuasa Kelulusan Pinjaman-SPUS.
- 10.3 Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui emel.

11. PERMOHONAN PINJAMAN

- 11.1 Pemohon yang lulus pra pendaftaran akan mendapat password untuk masuk ke Sistem SPUS dan melengkapkan permohonan serta mengemukakan maklumat cadangan perniagaan, Rancangan Perniagaan dan semua dokumen yang berkaitan.
- 11.2 Pemohon juga akan dibekalkan dengan sesalinan Syarat dan Peraturan SPUS dalam format pdf. Pemohon boleh menghubungi UPK sekiranya memerlukan maklumat tambahan.
- 11.3 Pemohon perlu menyenaraikan semua jenis barangan yang diperlukan mengikut format yang ditetapkan.
- 11.4 Pemohon perlu menggunakan format borang yang ditetapkan seperti berikut :
- i. YUM-OP2i.SPUS : Draf Pecahan Penggunaan Modal Skim Pinjaman Usahawan Siswazah.
 - ii. YUM-OP10 : Surat Akuan Jual/Beli Peralatan Terpakai.
 - iii. YUM-OP13 : Borang Maklumat Awal Kos Upah Dan Pengesahan Penerimaan Pembayaran
- 11.4 UPK dipertanggungjawabkan untuk menyemak dan menapis semua permohonan pinjaman SPUS.

- 11.2 UPK akan melawat tapak atau premis cadangan perniagaan. UPK boleh menggunakan khidmat Pejabat Wilayah untuk melakukan tugas ini sekiranya ia adalah lebih kos efektif.
- 11.3 Jika perlu, pemohon akan dipanggil untuk temuduga dan membentangkan Rancangan Perniagaan pemohon .
- 11.4 Semua kos pemohon semasa menghadiri temuduga atau pembentangan RP (kos pengangkutan atau penginapan) hendaklah ditanggung oleh pemohon sendiri.

12. KELULUSAN PERMOHONAN SPUS

- 12.1 Permohonan pinjaman SPUS akan dibincang dan diluluskan oleh jawatankuasa yang ditetapkan di Ibu Pejabat YUM.
- 12.2 Keputusan permohonan SPUS adalah muktamad. YUM tidak akan memaklumkan sebab-sebab jika permohonan ditolak atau dikurangkan.

13. TAWARAN PINJAMAN

- 13.1 UPK akan memaklumkan pemohon status permohonan pinjaman melalui emel.
- 13.2 Permohonan yang berjaya akan menerima emel tawaran pinjaman yang perlu disah terima oleh pemohon dalam tempoh satu bulan dari tarikh emel.
 - i. Sekiranya pemohon gagal mengesahkan penerimaan tawaran pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan, kelulusan pinjaman ini dianggap sebagai batal.
 - ii. Pemohon boleh menulis surat memohon penangguhan penerimaan pinjaman. Tempoh penangguhan yang boleh dipertimbangkan adalah tidak melebihi 2 bulan dari tarikh kelulusan.
- 13.2 Pemohon yang mengesahkan penerimaan tawaran pinjaman akan dipanggil ke Ibu Pejabat YUM atau mana-mana Pejabat YUM yang berdekatan bersama-sama dengan Penjamin dan seorang Saksi untuk melengkapkan dan menandatangani dokumen- dokumen pinjaman seperti berikut :.
 - i. Borang Permohonan Pinjaman.
 - ii. Surat Perjanjian Pinjaman

14. PENYERAHAN PINJAMAN

- 14.1 Setelah Surat Perjanjian ditandatangani oleh peminjam, UPK akan membawa dokumen ini ke LHDN untuk distemkan.

- 14.2 Tarikh Surat Perjanjian Pinjaman adalah tarikh penyerahan pinjaman iaitu antara 1 – 14 hb setiap bulan.
- 14.3 Setelah Surat Perjanjian telah siap dimeteraikan, UPK akan memohon pembayaran pinjaman dengan melakukan OBP pada Sistem SPUS.
- 14.4 Wang pinjaman akan dikreditkan ke akaun bank peminjam selewat-lewatnya 7 hari kerja dari tarikh penyerahan pinjaman.
- 14.5 Jumlah pinjaman yang dikreditkan ke akaun peminjam dirujuk sebagai Pinjaman Bersih iaitu Pinjaman Prinsipal tolak dengan Caruman Tabung Kecemasan.
- 14.6 Pengeluaran pinjaman boleh dilakukan secara berperingkat atau sekaligus mengikut kelulusan YUM.
 - i. Pembayaran pinjaman berperingkat boleh dilakukan sehingga tiga (3) kali pengeluaran tetapi tidak melebihi tempoh empat (4) minggu.

15. PENGESAHAN PENGGUNAAN MODAL (PPM)

- 15.1 Pinjaman yang diterima oleh peminjam hendaklah digunakan dalam tempoh 4 minggu dari tarikh penyerahan pinjaman.
 - i. Tempoh lanjutan selama 4 minggu diberikan jika pinjaman tidak dapat digunakan sepenuhnya atas sebab-sebab yang dipersetujui UPK.
- 15.2 PPM hendaklah dilakukan oleh UPK di premis kegiatan yang dibiayai SPUS
- 15.3 UPK boleh menggunakan khidmat kakitangan Pejabat Wilayah untuk melakukan PPM sekiranya pendekatan ini adalah lebih kos efektif dan berkesan.
- 15.4 PPM bertujuan untuk memastikan wang pinjaman telah digunakan untuk membeli semua peralatan, barangan atau perkhidmatan yang disenaraikan dalam Senarai Pecahan Modal yang diluluskan.
 - i. PPM dilakukan melalui pemeriksaan barangan/peralatan secara fizikal dan penyemakan resit pembelian.
 - ii. PPM hendaklah dilaporkan dalam Borang YUM-OP2b.(SPUS)
- 15.5 Resit-resit pembelian tidak perlu diserahkan kepada YUM untuk penyimpanan tetapi diimbaz dan dinaikmuatkan ke Sistem SPUS oleh peminjam
- 15.6 Salahguna modal pinjaman adalah keadaan di mana peminjam telah menggunakan modal pinjaman untuk tujuan yang bertentangan dengan peraturan penggunaan modal pinjaman SPUS atau untuk tujuan yang tidak diluluskan oleh UPK.

- i. Peminjam boleh memohon secara bertulis untuk mengubah penggunaan pinjaman selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh Surat Perjanjian dengan syarat tidak mengubah jenis kegiatan yang hendak dijalankan.
 - ii. Penggunaan pinjaman untuk barangan atau perkhidmatan yang diubah hanya boleh dilakukan setelah mendapat kelulusan dari UPK.
- 15.7 Sekiranya peminjam didapati menyalahgunakan modal pinjaman, YUM boleh menghentikan pengeluaran baki pinjaman bagi kes pengeluaran pinjaman berperingkat.
- i. Dalam kes ini YUM boleh menuntut peminjam untuk membayar keseluruhan jumlah pinjaman yang telah dibayar oleh YUM berserta dengan CP

16.0 PEMBAYAN BALIK PINJAMAN

- 16.1 Mod bayaran balik SPUS adalah secara bulanan mengikut tarikh yang ditetapkan dalam Jadual Pembayaran Balik Pinjaman SPUS.
- 16.2 Tarikh Pembayaran Pinjaman dalam Jadual Pembayaran Balik Pinjaman adalah tarikh terakhir di mana bayaran pinjaman mesti dilakukan untuk mengelakkan berlaku tunggakan.
- i. Jadual Pembayaran Balik Pinjaman boleh dirujuk dari Penyata Pinjaman Peminjam.
- 16.3 Tunggakan pembayaran pinjaman adalah satu keadaan di mana peminjam gagal melakukan pembayaran pinjaman yang mencukupi mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan.
- 16.4 Saiz bayaran bulanan akan dibulatkan kepada Ringgit Malaysia terdekat dan tidak melibatkan wang syilling.
- 16.5 Saiz pembayaran kedua sehingga terakhir akan ditetapkan sama. Oleh itu, saiz pembayaran pertama mungkin akan lebih besar berbanding pembayaran kedua dan seterusnya.
- 16.6 Penalti tidak akan dikenakan ke atas tunggakan atau kelewatan pembayaran.
- 16.7 Pembayaran pinjaman hendaklah dilakukan oleh peminjam secara pemindahan dalam talian, cek atau melalui CDM. Pembayaran tunai kepada kakitangan YUM atau di Pejabat YUM adalah tidak dibenarkan.
- i. Semua pembayaran hendaklah dilakukan ke akaun SPUS YUM seperti berikut :
 - a. Nama Akaun : LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YAYASAN USAHA MAJU
 - b. Bank : CIMB Bank Berhad

c. Nombor akaun : 8010687179

- 16.8 Resit pembayaran akan dijana oleh Sistem SPUS YUM dan dikirim secara 'softcopy' kepada peminjam untuk setiap pembayaran.
- i. Jika peminjam membayar menggunakan FPX, resit pembayaran akan dijanakan oleh Sistem SPUS dan dihantar kepada peminjam melalui emel.
 - ii. Sekiranya peminjam membayar menggunakan kaedah selain FPX, peminjam perlu memuatnaikkan bukti pembayaran seperti gambar slip bank ke Sistem SPUS YUM.
 - a. UPK perlu mengesahkan pembayaran ini dengan menyemak Akaun Bank YUM dan slip bank-in yang dimuatnaikkan.
 - b. Resit pembayaran akan dihantar kepada peminjam melalui emel setelah pembayaran disahkan.
- 16.9 Tiada pembayaran lain yang perlu dilakukan kepada YUM atau kakitangan YUM selaian bayaran bulanan mengikut Jadual Pembayaran yang ditetapkan.

17.0 PINJAMAN SEMULA

- 17.1 Peminjam yang telah melunaskan pinjaman dengan cemerlang dan mematuhi peraturan pinjaman SPUS boleh dipertimbangkan untuk pinjaman semula dan pada jumlah yang lebih tinggi sekiranya kegiatan yang dicadangkan berpotensi.

18.0 TINDAKAN UNDANG-UNDANG

- 18.1 YUM boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas peminjam dan penjamin sekiranya pinjaman tidak dapat diselesaikan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Contoh Pengiraan Pinjaman SPUS

1	Pinjaman Prinsipal	:	RM4,000.00
2	Tempoh pembayaran	:	2 tahun
3	Caj Pengurusan (2 x 9% = 18%)	:	RM4,000 x 0.18 720.00
4	Pinjaman Kasar	:	Pinjaman Prinsipal + CP 4000 + 720 RM4,720
5	Caruman Tabung Kecemasan	:	Pinjaman Kasar x 2.5% RM4,720 x 0.025 RM118.00
6	Pinjaman Bersih (Jumlah yang diterima oleh peminjam)	:	RM4,000 - RM118 RM3,882.00
7	Bayaran Bulanan	:	RM4,720 / 24 RM196.67

Jumlah bayaran balik bulanan sebenar akan diselaraskan oleh Sistem kerana bayaran bulanan tidak melibatkan syilling.